

26/03/2005

Anggota keluarga bekas PM berkumpul

PUTRAJAYA: Kira-kira 50 anggota keluarga empat bekas Perdana Menteri hadir pada majlis perjumpaan yang diadakan di Yayasan Kepimpinan Perdana, di sini, semalam.

Perjumpaan yang dihadiri bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, bertujuan memberi penerangan fungsi yayasan berkenaan kepada keluarga berkenaan.

Dr Mahathir adalah Penasihat Kehormat yayasan berkenaan.

Hadir sama balu Allahyarham Tun Hussein Onn, Tun Suhailah Mohd Noah dan balu Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein, Tun Rahah Mohd Noah.

Beberapa anggota keluarga Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, turut hadir pada majlis yang julung kali diadakan itu.

Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Tun Abdul Razak, Tan Sri Aishah Ghani, turut hadir.

Yayasan Kepimpinan Perdana adalah sumber lengkap dokumentasi maklumat mengenai tokoh yang pernah bergelar Perdana Menteri Malaysia.

(END) Source : Berita Harian